

16 JAN 1997

Telekom-Siasatan

TELEKOM MALAYSIA JALANKAN SIASATAN PENUH TERHADAP TUDUHAN

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Telekom Malaysia Berhad berjanji akan menjalankan siasatan terperinci mengenai dakwaan berlaku penyelewengan dalam menawarkan kontrak kepada syarikat Sweden, Ericsson Telecommunications Sdn Bhd berhubung pembekalan peralatan.

"Ia merupakan dakwaan serius dan Telekom Malaysia akan melakukan segala yang perlu untuk mencari kebenaran," kata ketua pegawai eksekutif Datuk Mohamed Said Mohamed Ali.

Mohamed Said, yang kini berada di Amerika Syarikat mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan promosi Koridor Raya Multimedia Malaysia, memberitahu demikian dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh syarikat itu di sini hari ini.

Katanya beliau diberitahu mengenai perkara itu sebelum berlepas dengan rombongan Perdana Menteri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Sebaik menerima maklumat daripada Timbalan Perdana Menteri, Telekom Malaysia mengambil tindakan untuk menjalankan siasatan terperinci terhadap dakwaan-dakwaan itu," katanya.

Anwar berkata semalam kerajaan telah mengarahkan supaya satu siasatan dijalankan berhubung berlaku penyelewengan itu selepas menerima maklumat mengenainya dua minggu lepas.

Mohamed Said berkata syarikat tidak dapat memberikan tempoh waktu tertentu untuk menyelesaikan siasatan memandangkan ia tidak mempunyai fakta secukupnya pada peringkat sekarang.

Katanya ia menjadi keutamaan Telekom Malaysia untuk menyelesaikan isu itu secepat mungkin.

"Bagi pihak Telekom Malaysia, kami sentiasa berpegang teguh kepada prosedur yang ada mengenai penerimaan, pertimbangan dan penawaran tender," katanya.

Sementara itu, Ericsson, dalam kenyataannya berkata syarikat belum secara rasmi diberitahu atau menerima sebarang maklumat berhubung dakwaan itu.

"Kami juga tidak mempunyai maklumat yang prosedur tender itu telah disalahguna," menurut kenyataan yang bertajuk "Ericsson Menyesali Dakwaan".

Bagaimanapun, syarikat itu berkata ia ingin mengulangi komitmennya untuk "mengekalkan standard etika perniagaan yang tinggi".

"Perkara ini memang dikekalkan dalam hubungan kami yang berpanjangan dengan Telekom Malaysia, begitu juga dengan pelanggan-pelanggan kami yang lain," menurut kenyataan itu.

"Di Malaysia, Ericsson telah menyediakan prasarana dan kemudahan telekomunikasi sejak 1965. Ia bermula dengan kontrak untuk membekal, memasang, menguji dan menjalankan ibusawat "crossbar" kepada Jabatan Telekom Malaysia.

"Ericsson sejak itu memajukan hubungan jangka panjang dengan Telekom Malaysia sebagai pembekal peralatan telekomunikasi awam dan menjadi penyumbang utama kepada rangkaian telefon terkini."

-- BERNAMA

MR CTL AHH